



# MILIKI JUBIN EKSKLUSIF MENARA JAM WARISAN BUDI PUTRA

## PENGENALAN

Sempena Sambutan 75 tahun UPM yang diraikan pada 2006, UPM berhasrat untuk membina Menara Jam "Warisan Budi Putra". Justeru abadikan kasih anda terhadap UPM di Menara Jam ini kerana anda pernah mencipta lembaran sejarah hidup di kampus ini sebagai pelajar, staf, alumni atau rakan UPM yang telah bersama universiti menjunjung amanat berilmu berbakti.

Ketulusan anda untuk mengabadikan nostalgia serta mengukir sejarah manis boleh dilakarkan pada jubin menara ini. Maka kami menyeru agar tuan/puan serta rakan korporat untuk segera membeli jubin eksklusif yang mempamerkan biodata ringkas bagi menghiasi dinding Menara tersebut. Sama-samalah kita menyumbang kepada dana Menara Jam ini, pastinya sumbangan anda amat bermakna dan tetap tercatat di kampus UPM selama-lamanya.

## SUMBANGAN MELALUI JUALAN JUBIN

Sumbangan anda kepada pembinaan Menara Jam ini boleh dibuat melalui tempahan jubin biasa, khas/eksklusif. Pihak kami mengalu-alukan semua yang berminat untuk turut sama menyumbang kepada pembinaan Menara Jam tersebut. Kami juga amat mengalu-alukan sumbangan daripada organisasi korporat melalui tempahan Jubin Khas bersaiz 16" x 16". Borang yang telah siap diisi bolehlah dihantar bersama dengan cek/wang pos atas nama BENDAHARI UPM. Pembayaran terus boleh juga dibuat di kaunter Bendahari UPM.

# MENARA JAM WARISAN BUDI PUTRA

Keluasan lantai menara adalah 1,075 persegi ditempatkan di atas tapak yang berukuran 61.4' x 61.4' bersebelahan dengan Laman Palma Serdang dan Kompleks Mahasiswa UPM.

Struktur pelan lantai ke paras 2 menara menggunakan konkrit tetulang manakala paras seterusnya sehingga ke puncak menara menggunakan struktur keluli.

Menara jam mempunyai ketinggian 10 paras di mana pada paras ke 7 terdapat anjung tinjau (viewing platform).

Dinding konkrit dikemaskan dengan jubin granit sementara menara jam pula dikemaskan dengan 'anodized aluminium cladding'. Lantai menara menggunakan 'non-slip homogeneous tile'.

## KATEGORI PENYUMBANG

### Jubin 16" x 16"

Kategori	Sumbangan Minimum	Cadangan perkataan pada Jubin
Syarikat/Organisasi	<b>RM10,001 - ke atas</b>	Nama Syarikat/Organisasi, Tahun Menyumbang
Persatuan/Kelab/ Alumni Chapter/Zon		Nama Persatuan/Kelab/Alumni Chapter/Zon, Tahun Menyumbang
Alumni UPM		Nama, Program Pengajian, Tahun Graduat
Individu/Perseorangan		Nama, Tahun Menyumbang

### Jubin 12" x 12"

Kategori	Sumbangan Minimum	Cadangan perkataan pada Jubin
Syarikat/Organisasi/ Fakulti/Kolej	<b>RM5,001 - RM10,000</b>	Nama Syarikat/Organisasi/Fakulti/ Kolej, Tahun Menyumbang
Persatuan/Kelab/ Alumni Chapter/Zon		Nama Persatuan/Kelab/Alumni Chapter/Zon, Tahun Menyumbang
Alumni UPM		Nama, Program Pengajian, Tahun Graduat
Individu/Perseorangan		Nama, Tahun Menyumbang

### Jubin 16" x 8"

Kategori	Sumbangan Minimum	Cadangan perkataan pada Jubin
Syarikat/Organisasi	<b>RM2,000 - RM5,000</b>	Nama Syarikat/Organisasi, Tahun Menyumbang
Persatuan/Kelab/ Alumni Chapter/Zon		Nama Persatuan/Kelab/Alumni Chapter/Zon, Tahun Menyumbang
Alumni UPM		Nama, Program Pengajian, Tahun Graduat
Individu/Perseorangan		Nama, Tahun Menyumbang

### Jubin 12" x 6"

Kategori	Sumbangan Minimum	Cadangan perkataan pada Jubin
Pelajar	RM75.00	Nama, Kursus Pengajian, Tahun Menyumbang
Staf UPM	RM175.00	Nama, Nombor Staf, Tahun Menyumbang
Alumni UPM	RM175.00	Nama, Program Pengajian, Tahun Graduat
Persatuan/Kelab/ Alumni Chapter/Zon	RM1075.00	Nama Persatuan/Kelab/Alumni Chapter/Zon, Tahun Menyumbang
Syarikat/Organisasi	RM1075.00	Nama Syarikat/Organisasi, Tahun Menyumbang